

33

SENI BUDAYA

Memahami latar budaya, tradisi China

56

KERJAYA

Pakar pemakanan berdepan cabaran semasa

59

PERSONALITI

Mohd Faiz simpan hasrat bertugas di PBB

PLAGIAT JEJAS IMEJ, KREDEBILITI

➔ Jika terbukti kesalahan seseorang pelajar boleh digantung semester atau dibuang daripada pengajian

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Isu plagiat atau ciplak dalam tugas disediakan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini bukan topik baharu, malah sering dibin-

cangkan sebagai perkara yang memalukan kerana bukan sahaja memburukkan imej dan kredibiliti graduan, tetapi juga merendahkan nilai kualiti ilmu dihasilkan.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Adib Ashman Burhan Burhanudin, berkata tindakan mahasiswa melakukan plagiat yang menyak-

sikan mereka meniru sebahagian atau keseluruhan hasil tugas orang lain tanpa mendedahkan sumber asal karya, menggambarkan sikap tidak amanah.

Pemerhatian dan maklum balas diperoleh, katanya, menunjukkan mahasiswa sering melakukan plagiat ketika menyelesaikan tugas pengajian dan kertas kerja yang berpunca daripada sikap malas, tidak berminat

dengan subjek diikuti, melakukan tugas di saat akhir, tiada tanggungjawab atau mahukan kerja mudah.

"Plagiat adalah kesalahan besar, sehingga universiti menyenaraikan perbuatan itu sebagai jenayah yang menyebabkan pelaku boleh digantung semester, tidak dibenarkan menduduki peperiksaan atau dibuang daripada pengajian.

"Tindakan memplagiat ini membawa banyak kerugian kepada mahasiswa, seperti tidak memiliki ilmu terbaik, menyukarkan mereka melaksanakan tugas ketika bekerja kerana tiada kefahaman berhubung skop kerja, selain majikan mendapat pekerja kurang berkualiti," katanya.

V30 /31



PUNCA MAHASISWA TERBABIT DALAM PLAGIAT

Malas

Mahukan kerja mudah

Tidak berminat dengan subjek diikuti

Tidak bertanggungjawab

Fikir pensyarah tidak akan tahu

Kesuntukan masa kerana melakukan tugas di saat akhir

Mahu menunjukkan kehebatan idea untuk mengagumkan pensyarah

Tidak tahu apa itu plagiat

Kurang pengetahuan mengenai peraturan melakukan plagiat

Tidak yakin dengan kemampuan diri